

HUKUMAN TERHADAP TINDAKAN MURTAD DALAM PERSPEKTIF MASYARAKAT MAJMUK DAN KEAMANAN NEGARA

(The Penalty for Apostasy in the Perspective of Multi Ethnic Society and National Security)

¹ MOHAMMAD NIDZAM ABDUL KADIR

¹ Jabatan Pengajian Kenegaraan & Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

ABSTRAK

Beberapa kes murtad berlaku di Malaysia. Terdapat desakan agar hukuman bunuh dilaksanakan terhadap orang yang murtad. Namun begitu, hukuman bunuh terhadap pelaku murtad boleh mengeruhkan suasana hubungan masyarakat pelbagai kaum dan agama. Artikel ini mengkaji hukuman bunuh terhadap pelaku murtad yang dinyatakan dalam riwayat hadis. Kefahaman terhadap hukuman bunuh dalam riwayat hadis sewajarnya difahami dalam konteks kenegaraan. Hukuman bunuh terhadap pelaku murtad tidak termasuk dalam kategori hudud sebaliknya diletakkan dalam kategori takzir. Dengan memahami riwayat hadis dalam konteks kenegaraan dan kategori takzir, hukuman bunuh terhadap murtad bukan kerana murtad, namun kerana penghinaan terhadap Islam yang wujud selepas dari murtad. Maka murtad yang menghina Islam sewajarnya dihukum. Ini kerana penghinaan terhadap Islam merosakkan asas penting keharmonian.

Kata kunci: Murtad; hukuman bunuh; kenegaraan; perlembagaan; takzir

ABSTRACT

The apostasy cases had happened in Malaysia. There is a suggestion for the death penalty. Nevertheless, the death penalty could exacerbate the atmosphere of multiracial and religious relations. This article study the death penalty mentioned in

hadith. The understanding of the death penalty in the hadith should be understood in the context of statehood. The death penalty also not under hudud but falls under taazir category. By understanding this hadith in statehood context and taazir category, the death penalty is not due to apostasy but due to the contempt of Islam that exist after apostasy. The insult against Islam will spoil the fundamental principle of harmony.

Keywords: *Apostasy; death penalty; statehood; constitution; taazir*

PENDAHULUAN

Masyarakat Islam mengesa agar undang-undang murtad dilaksanakan disebabkan berlaku beberapa kes murtad di Malaysia. Perlaksanaan undang-undang murtad yang dimaksudkan ialah hukuman bunuh. Dalam satu rang undang-undang hudud mendefinisikan murtad seperti berikut (Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II), 1993):

Irtidad ialah apa-apa perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan oleh seorang Islam yang mukallaf yang mana perbuatan atau perkataan itu mengikut hukum syarak adalah menjejaskan atau berlawanan dengan aqidah agama Islam.

Rang undang-undang hudud Negeri Kelantan seterusnya menyatakan (Rang Undang-undang kanun Jenayah Syariah (II) 1993):

Sekiranya dia enggan bertaubat dan masih lagi berterusan dengan pendiriannya terhadap perbuatan yang dilakukan atau perkataan yang disebutkan itu, maka mahkamah hendaklah mengisytiharkan hukuman bunuh ke atasnya....

Ketetapan hukuman bunuh terhadap murtad diangkat menjadi sebahagian daripada teori dasar pemerintahan negara Islam. Contohnya dinyatakan dalam buku Sistem Pemerintahan Negara Islam (Abdul Hadi Awang 1995):

Orang-orang murtad dikenakan hukuman had dibunuh sekiranya dia tidak bertaubat setelah diberi peluang.

Hukuman bunuh ke atas orang yang murtad menimbulkan kebimbangan dalam kalangan masyarakat bukan muslim. Hukuman murtad ini bertentangan dengan prinsip kebebasan beragama yang merupakan satu dasar dalam pengisytiharan hak asasi manusia. Artikel 18 dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia menyatakan:

Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief....

Hukuman bunuh ini juga boleh menimbulkan konflik besar antara muslim dengan golongan bukan muslim. Seterusnya ia menggugat suasana aman dan interaksi harmoni di antara rakyat yang berbeza agama dalam sebuah negara yang majmuk masyarakatnya seperti Malaysia.

MAKSUD MURTAD

Murtad disebut sebagai *riddah* dalam bahasa Arab. *Al-riddah* dalam sudut syarak kembali daripada Islam kepada kufur (Abū Bakar ibn Muḥammad al-Ḥuṣaynī 1994). Dinyatakan maksud *al-riddah* (al-Nawawī 2000) yang bermaksud:

Ia adalah memutuskan Islam dengan niat atau perkataan kufur atau perbuatan sama ada ia mengucapkannya secara main-main atau engkar atau iktiqad....

Al-riddah dalam bahasa Melayu dikenali sebagai murtad (Kamus Dewan 2007). Murtad ialah keluar daripada agama Islam. Ia adalah satu dosa yang besar kerana murtad bererti kembali semula kepada kekufuran. Oleh itu, apabila disebut murtad ia bukan bermaksud keluar daripada satu agama kepada agama yang lain. Ia bermaksud keluar dari Islam.

HUKUMAN MURTAD

Si pelaku murtad dihukum bunuh dalam hukum murtad. Ini bersandarkan kepada satu riwayat hadis (al-Bukhārī dalam *Fatḥ al-Bārī* 1998) yang bermaksud:

Sesiapa yang menukar agamanya maka hendaklah kamu semua membunuhnya.

Kewajipan hukuman bunuh ini disebut dalam pelbagai kitab fikah. Contohnya dalam mazhab Syafii, orang yang murtad hendaklah diminta bertaubat selama tiga hari. Jika masih enggan bertaubat maka hendaklah dibunuh (Abū Bakar ibn Muḥammad al-Ḥuṣaynī 1994). Imam al-Tirmidhī ketika menerangkan hadis ini menyatakan bahawa hadis ini adalah *ḥasan ṣaḥīḥ* dan amalannya begitu dalam kalangan ahli ilmu terhadap orang yang murtad.

Ibn al-Munzir dalam karya *al-Ijmak* tidak menyebut hukuman bunuh terhadap murtad (Ibn al-Munzir 1991). Manakala Ibn al-Qattān menyebut kesepakatan para ulama terhadap murtad selepas tempoh taubat selamat tiga puluh hari melainkan al-Nakha'ī yang berpendapat bahawa tempoh taubat adalah untuk selama-lamanya (Ibn al-Qattān 2003).

Kebebasan aqidah tidak menafikan hukuman bunuh terhadap kesalahan murtad. Demikian pendapat Dr. Aḥmad Rasyād (Aḥmad Rasyād Ṭāḥūn 1998). Berdasarkan

nukilan beberapa pendapat ulama dalam hukuman terhadap pelaku murtad, dapat difahami bahawa para ulama bersetuju bahawa hukuman bagi pelaku murtad ialah hukuman bunuh.

HUKUMAN MURTAD DALAM AL-QURAN

Hukuman bunuh terhadap orang yang murtad tidak disebut secara khusus dalam nas al-Quran. Hanya hukuman di akhirat sahaja disebutkan jika berlaku tindakan murtad. Beberapa nas al-Quran berikut menjelaskan perkara ini:

1. Amalan kebaikan akan terhapus dan dihancurkan ke dalam neraka. Al-Quran menyatakan mafhumnya:

Dan sesiapa yang murtad di antara kamu daripada agamanya, lalu dia mati dalam kekafiran, maka mereka itulah yang sia-sia amalannya di dunia dan di akhirat, dan mereka itulah penghuni neraka, mereka kekal di dalamnya. (Surah al-Baqarah (2): 217).

2. Laknat Allah terhadap orang yang murtad. Al-Quran menyatakan mafhumnya:

Bagaimana Allah akan memberi hidayah akan suatu kaum yang kafir sesudah mereka beriman, serta mereka telah mengakui bahawa Rasul itu (Muhammad) benar-benar rasul, dan keterangan-keteranganpun telah datang kepada mereka? Dan Allah tidak menunjuki hidayah akan orang-orang yang zalim. Mereka itu balasannya ialah bahawa sesungguhnya laknat Allah ditimpakan kepada mereka, (demikian pula) laknat para malaikat dan manusia seluruhnya. Mereka kekal di dalamnya, tidak diringankan siksa daripada mereka, dan tidak (pula) mereka diberi tangguh. Kecuali orang-orang yang bertaubat, sesudah (kafir) itu dan mengadakan perbaikan maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang. (Surah Āli ‘Imrān (3) : 86-89).

3. Penggantian dengan golongan yang lain. Al-Quran menyatakan mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Sesiapa di antara kamu yang murtad dari agamanya, maka kelak Allah akan mendatangkan suatu kaum yang Allah mencintai mereka dan merekapun mencintai-Nya, yang bersikap lemah-lembut terhadap orang yang mukmin, yang bersikap keras terhadap orang-orang kafir, yang berjihad di jalan Allah, dan yang tidak takut kepada celaan orang yang suka mencela (Surah al-Māidah 5: 54).

Berdasarkan beberapa nas al-Quran tersebut, tiada hukuman terhadap tindakan murtad dalam kehidupan dunia ini. Hukuman yang dinyatakan adalah hukuman di akhirat nanti.

HUKUMAN BUNUH TERHADAP MURTAD DI DALAM RIWAYAT HADIS

Terdapat beberapa riwayat hadis yang menjelaskan hukuman bunuh terhadap orang yang murtad. Antaranya:

1. Hadis menyatakan bahawa pertukaran agama mewajibkan hukuman bunuh (al-Bukhārī dalam *Fatḥ al-Bārī* 1998) yang bermaksud:
Sesiapa yang menukar agamanya maka hendaklah kamu semua membunuhnya.
2. Tidak halal darah seorang muslim melainkan tiga perkara al-Bukhārī dalam *Fatḥ al-Bārī* 1998) yang bermaksud:
Tidak halal darah seorang individu muslim yang bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah dan sesungguhnya aku pesuruh Allah melainkan dengan salah satu daripada tiga iaitu jiwa dengan jiwa, orang yang berzina dan individu yang berpisah dengan agamanya meninggalkan jamaah.
3. Kisah Mu'adh ibn Jabal r.h. menziarahi Abū Mūsa al-Asy'arī r.h. Ketika itu terdapat seorang lelaki yang diikat. Apabila diberitahu kepada Mu'adh r.h. bahawa lelaki tersebut menganut agama Islam kemudian dia murtad menjadi Yahudi, maka Mu'adh r.h. berkata (al-Bukhārī dalam *Fatḥ al-Bārī* 1998) yang bermaksud:
Saya tidak duduk hingga dia dibunuh. (Ini) keputusan Allah dan rasul-Nya.

Ucapan Mu'adh r.h. sudah pasti bersandarkan kepada Nabi SAW dan ia dihukum sebagai satu hujah ('Ali Jumu'ah 2004). Ini kerana para sahabat adalah adil. Sifat adil ini menjadikan mereka tidak berdusta apatah lagi atas nama Nabi SAW.

Berdasarkan tiga riwayat hadis tersebut, hukuman bagi pelaku murtad adalah hukuman bunuh di dunia. Hukuman ini tidak sama dengan hukuman dalam al-Quran yang hanya menyebut hukuman di akhirat. Persoalan timbul tentang hukuman bunuh terhadap orang yang murtad yang disebut dalam hadis. Ini kerana antara dasar dalam Islam untuk menerima apa yang disebut dalam riwayat hadis yang sah.

Hadis berada pada kedudukan selepas al-Quran. Al-Quran merupakan sumber yang pertama dan hadis adalah sumber yang kedua dalam perbincangan ilmu usul fikah ('Abd al-Karīm Zaydān 1994; 'Abd al-Wahhāb Khallāf 1978). Jika hukuman bagi jenayah mencuri disebutkan dalam al-Quran, maka adalah lebih utama hukuman bagi kesalahan murtad disebutkan dalam al-Quran. Ketiadaan hukuman bunuh ini terhadap pelaku murtad dalam al-Quran adalah isyarat jelas tentang suatu prinsip bahawa kebebasan beragama amat dihormati.

ANALISA TERHADAP HUKUMAN MURTAD

Nas al-Quran tidak menyentuh hukuman bunuh terhadap pelaku murtad. Manakala riwayat hadis menjelaskan bahawa tindakan murtad adalah dihukum bunuh. Justeru itu, kefahaman terhadap hadis murtad dianalisa daripada dua aspek iaitu:

1. Hukuman murtad termasuk dalam hudud atau takzir.
2. Sifat murtad yang wajar dihukum bunuh.

MURTAD DALAM KATEGORI HUDUD ATAU TAKZIR

Hudud ialah hukuman yang ditentukan daripada hukum syarak tanpa keharusan untuk penambahan atau pengurangan Manakala takzir ialah hukuman yang tidak ditentukan daripada hukum syarak (Muṣṭafā al-Khin 2008).

Jenayah yang dikategorikan dalam hukuman hudud tidak banyak. Hukuman tersebut ialah zina, qazaf, meminum arak, mencuri, rompakan, pemberontakan dan murtad (Mohd. Said Ishak 2001). Kesalahan murtad yang dikategorikan sebagai satu jenayah dalam hukuman hudud merupakan pendapat majoriti para ulama.

Pendapat para ulama yang menyatakan bahawa murtad termasuk dalam hudud hendaklah dinilai dalam beberapa sudut. Antaranya lafaz *had* yang tidak menjurus kepada hukuman. Lafaz plural bagi lafaz *had* ialah *hudud*. Lafaz ini disebut dalam al-Quran sebanyak empat belas kali. Namun tiada satu ayat pun di dalam al-Quran menyatakan bahawa *had* difahami sebagai hukuman. Sebaliknya *had* diertikan sebagai syariah dan hukum Allah (Taha Jabir 2008).

Hukuman bunuh terhadap tindakan murtad tidak dinyatakan hukumannya dalam al-Quran. Apa yang disebut dalam al-Quran adalah tentang penghapusan amalan baik dan hukuman di akhirat. Manakala hukuman yang lain seperti mencuri disebut dengan jelas hukumannya dalam al-Quran. Jika hukuman mencuri dinyatakan dalam al-Quran maka lebih utama hukuman bunuh dinyatakan dalam al-Quran. Ini kerana hukuman bunuh adalah perkara amat besar. Hukuman ini sepatutnya dinyatakan dengan nas al-Quran, bukannya hadis sahaja. Ini bertepatan dengan kaedah (Abu Ishaq al-Syāṭibī t.th) yang bermaksud:

Kedudukan sunnah (hadis) di belakang al-Quran.

Hadis yang menjelaskan bahawa sesiapa yang menukar agamanya hendaklah dibunuh adalah hadis yang umum. Sifat umum dalam hadis ini memberi ruang untuk pelbagai tafsiran yang sesuai dengan *maqāṣid* syariah. Maka didapati beberapa ijtihad ulama dalam memahami hadis ini. Mazhab Hanafi berpendapat bahawa hanya lelaki murtad sahaja yang dihukum bunuh, namun wanita murtad tidak dihukum

bunuh sebaliknya ditahan hingga dia menganut agama Islam semula. Pendapat ini mengkhususkan maksud hadis tersebut. Dinyatakan dalam teks mazhab Hanafi ('Uthman ibn 'Ali al-Zaylā'ī 2000):

Dibentangkan Islam ke atas lelaki yang murtad, disingkap keraguannya dan ditahan selama tiga hari. Maka jika dia menganut Islam (maka dibiarkan) dan jika tidak menganut Islam semula hendaklah ia dibunuh... Dan wanita murtad tidak dibunuh bahkan ditahan hingga ia menganut agama Islam semula.

Zahir hadis ini juga adalah mutlak hingga ia merangkumi sebarang pertukaran agama. Imam Muhammad ibn Isma'il al-Son 'ani menyatakan bahawa hadis ini merangkumi sesiapa yang menganut agama Nasrani selepas dia menjadi Yahudi. Begitu juga dengan agama yang lain. Inilah pendapat ulama mazhab Syafii (Muhammad ibn Isma'il al-Ṣan'ānī 1995).

Riwayat *athar* yang menyatakan bahawa Mu'ādh ibn Jabal menetapkan hukuman bunuh terhadap orang yang murtad bukan hujah yang disepakati. Perkataan sahabat tidak dihukum sebagai hujah menurut sebahagian para ulama dalam ilmu usul fikah ('Alī Jumū'ah 2004). Menurut satu pendapat (al-Syanqiti 1413), hukuman hudud tidak sabit dengan hadis *āḥād*. Oleh itu, mana-mana hadis yang bertentangan dengan nas al-Quran maka hadis tersebut ditolak (Muḥammad Bultāji 2003).

Wujud perbezaan pendapat ulama dalam menentukan sama ada hukuman bunuh terhadap murtad dalam kategori hudud atau tidak. Justeru, tidak wujud kesepakatan para ulama dalam menentukan bilangan jenayah bagi hudud (Mat Saad Abd. Rahman 1993). Para ulama mazhab Hanafi menetapkan bahawa hukuman hudud adalah bagi perkara yang bersabit dengan al-Quran. Bahkan hukuman hudud yang disepakati hanya tiga sahaja iaitu zina, qazaf dan mencuri ('Abd al-Raḥman al-Jaziri 2003).

Oleh itu, tidak wujud kesepakatan sama ada hukuman bunuh terhadap murtad termasuk dalam hudud bahkan terdapat kajian menyatakan bahawa hukuman bunuh terhadap murtad termasuk dalam kategori ta'zir ('Abd al-Ḥalīm 'Uways 2005). Walau bagaimanapun, dinukilkan bahawa wujud kesepakatan para ulama atau *ijmak* tentang hukuman bunuh terhadap murtad (Ibn Qudamah 2004). Nukilan *ijmak* tidak muktamad. Majoriti para ulama berpendapat bahawa hukuman murtad adalah bunuh. Walau bagaimanapun, Ibn al-Munzir dalam karya *al-Ijmak* tidak menyebut hukuman bunuh terhadap murtad. Manakala Ibn al-Qattān menyebut kesepakatan para ulama terhadap murtad selepas tempoh taubat selamat tiga puluh hari melainkan pendapat al-Nakha'ī yang berpendapat bahawa tempoh taubat adalah untuk selama-lamanya. Justeru, hukuman bunuh terhadap murtad bukan suatu *ijmak*. *Ijmak* adalah sumber hukum yang lebih kuat berbanding dengan pendapat majoriti ulama.

SIFAT MURTAD

Namun satu persoalan yang lebih penting ialah tentang sifat yang wajar bagi hukuman bunuh terhadap kesalahan murtad. Antara kaedah dalam Islam ialah perubahan hukum dengan sebab perubahan zaman (Ibn al-Qayyim 1999). Umat Islam kini berada dalam suasana yang lemah. Negara umat Islam bukan negara yang kuat dalam aspek ekonomi dan ketenteraan. Selain itu, nilai sejagat yang menekankan konsep kebebasan dan hak individu telah diterima baik oleh masyarakat. *The Universal Declaration of Human Rights* menetapkan bahawa setiap orang mempunyai kebebasan untuk memilih agama. Artikel 18 dalam Deklarasi ini menyatakan:

Everyone has the right to freedom of thought, conscience and religion; this right includes freedom to change his religion or belief...

Oleh itu, penetapan hukuman bunuh terhadap murtad akan menjejaskan imej Islam. Ini kerana Islam akan dianggap sebagai agama yang bersikap keras dan tidak menghormati hak asasi manusia. Hukuman ini juga akan menimbulkan kebimbangan dalam masyarakat yang ingin hidup dengan aman damai dan harmoni. Akhirnya asas keharmonian akan terganggu dan runtuh.

Oleh kerana hukuman bunuh terhadap murtad adalah berdasarkan riwayat hadis, maka sewajarnya diperhalusi tindakan Nabi SAW. Menurut al-Qarāfī, tindakan yang dilakukan oleh Nabi SAW terbahagi kepada tiga kategori (Aḥmad Ibn Idrīs al-Qarāfī 2001):

1. Tindakan sebagai ketua negara.
2. Tindakan sebagai hakim mahkamah.
3. Tindakan sebagai utusan Allah.

Tindakan menghantar rombongan tentera memerangi golongan kafir yang mengisytiharkan permusuhan terhadap Islam, pengurusan harta baitul mal, perlantikan para hakim, perlantikan gabenor, pembahagian harta rampasan perang dan perjanjian damai dengan golongan bukan muslim merupakan tindakan sebagai ketua negara. Contoh-contoh yang dibentangkan oleh al-Qarāfī menunjukkan perkara yang besar. Ia tidak boleh dilakukan oleh mana-mana individu muslim.

Hukuman bunuh terhadap murtad bukan perkara yang kecil. Ia melibatkan nyawa manusia dan campur tangan pihak yang lain. Justeru itu, tindakan Nabi SAW memerintahkan agar murtad dibunuh mesti dinilai berdasarkan sifat ketua negara. Atas asas itu, Ibn Qudamah (2004) menjelaskan bahawa hukuman bunuh terhadap murtad adalah tugas ketua negara.

Tindakan sebagai ketua negara adalah berdasarkan kepentingan masalah. Oleh itu, ia berubah mengikut suasana zaman dan keadaan. Maka hari ini, murtad dapat dibahagikan kepada dua jenis:

1. Murtad yang tidak menghina.
2. Murtad yang menghina Islam.

Murtad yang tidak menghina ialah murtad yang tidak memperlekehkan Islam. Murtad ini tidak melihat keistimewaan Islam kerana kemunduran dan akhlak buruk masyarakat Islam. Mereka murtad namun mereka tidak melakukan sesuatu perkara yang memperlekehkan Islam.

Manakala murtad yang menghina Islam ialah murtad yang memperlekehkan Islam. Selain murtad, individu tersebut menghina Islam dengan percakapan, tulisan dan sebagainya (ABM. Mahbulul Islam 2002). Termasuk juga perbuatan menghina dan mencaci Nabi Muhammad SAW. Ibn al-Munzir menjelaskan bahawa para ulama sepakat bahawa sesiapa yang mencaci Nabi maka baginya hukuman bunuh (Ibn al-Munzir 1991). Maka murtad sebegini ada kewajaran untuk dihukum bunuh.

Pembahagian murtad kepada dua jenis berdasarkan analisa terhadap nas syarak dalam beberapa aspek. Perintah agar orang yang menukar agamanya iaitu murtad dibunuh tidak menunjukkan ia satu kewajipan yang pasti. Majoriti ulama usul berpendapat bahawa setiap perintah bermaksud wajib melainkan ada bukti sampingan. Namun petunjuk dalam kata perintah juga bermaksud keharusan dan keizinan (Su'ūd ibn Ghāzī 2005).

Riwayat hadis yang menyatakan bahawa tidak halal darah seorang muslim melainkan dengan tiga perkara mempunyai riwayat yang lain. Satu lagi riwayat hadis menyatakan (Abu Dawud 2007) yang bermaksud:

Dan seorang lelaki yang keluar memerangi Allah dan rasul-Nya maka sesungguhnya dia dibunuh atau disalib atau dihapuskan dari bumi.

Satu riwayat hadis memberi kefahaman bahawa murtad adalah perkara yang mengharuskan hukuman bunuh. Namun riwayat ini menerangkan lebih jelas sifat murtad iaitu murtad yang melawan Allah dan rasulnya. Maka murtad yang menghina Islam adalah murtad yang wajar dihukum bunuh. Riwayat hadis yang lain menerangkan bahawa hukuman bunuh terhadap orang yang mencaci Nabi SAW (Abu Dawud 2007). Ibn al-Munzir menukulkan kesepakatan para ulama terhadap orang yang mencaci Nabi SAW secara terang mesti dibunuh. Tindakan mencaci Nabi SAW adalah tindakan yang menghina Islam dan menyerang asas penting dalam Islam. Ini kerana keimanan kepada para nabi merupakan rukun iman. Keimanan ini mewajibkan Nabi SAW dihormati sebagai nabi dan rasul yang menyampaikan

ajaran Islam. Oleh itu, hukuman bunuh terhadap seseorang yang mencaci Nabi SAW bukan semata-mata kerana murtad tetapi juga kerana menghina Islam.

Segelintir para ulama menjelaskan hukuman bunuh terhadap orang murtad kerana ia adalah bukan muslim yang memerangi Islam. Mazhab Hanafi menyatakan bahawa orang murtad adalah kafir *harbi* iaitu kafir yang memerangi Islam ('Uthman ibn 'Ali al-Zaylā'ī 2000). Golongan murtad yang tidak kuat tidak dibunuh. Kefahaman ini dijelaskan oleh al-Māwardī dalam al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah (al-Māwardī t.th) maksudnya:

Maka apabila orang murtad daripada golongan yang wajib pembunuhan mereka dengan sebab kemurtadan mereka daripada agama benar kepada agama lainnya, maka keadaan mereka tidak sunyi daripada dua perkara:

1. Sama ada mereka berada dalam kawasan Islam dalam keadaan sedikit dan mereka tidak menyertai mana-mana negara yang membezakan mereka daripada umat Islam maka tiada keperluan kepada kita untuk membunuh mereka kerana mereka masuk dalam kuasa dan (walaupun begitu, hendaklah) dikaji sebab murtad mereka...”.
2. Keadaan kedua bahawa mereka menyertai sesuatu negara yang mana mereka bersendirian daripada umat Islam hingga mereka mempunyai kekuatan di dalamnya maka wajib pembunuhan mereka atas sebab murtad...”.

Pendapat ini membahagikan murtad kepada dua keadaan. Jika murtad tersebut tidak mengancam Islam dan umat Islam, hukuman bunuh tidak dilaksanakan. Namun jika ia mengancam Islam seperti mereka membina kekuatan untuk menyerang Islam, maka ketika itu wajiblah diperangi.

Al-Syeikh Maḥmūd Syaltūt menjelaskan kefahaman terhadap hukuman murtad dengan menyatakan (Syaltūt 1974) yang bermaksud:

Dan terkadang berubah wajah pemerhatian dalam masalah ini apabila diperhalusi bahawa sesungguhnya banyak ulama berpendapat bahawa hukuman hudud tidak sabit dengan hadis āḥād, dan sesungguhnya kekufuran bukanlah asas bagi menghalalkan darah, dan sesungguhnya yang menghalalkan darah ialah tindakan memerangi umat Islam, permusuhan ke atas mereka dan cubaan memfitnah mereka daripada agama mereka.

Pendapat yang sama juga dikemukakan oleh Muhammad al-Bultāji (2003). Beliau menjelaskan bahawa hakikat murtad ialah pengisytiharan permusuhan terhadap Islam dan usaha meruntuhkan rukun Islam dalam masyarakat Islam.

Berdasarkan analisa ini, maka hukuman bunuh murtad terhadap kesalahan murtad tidaklah bertentangan dengan prinsip penghormatan kebebasan beragama. Murtad yang dihukum bunuh adalah murtad yang menghina Islam dan murtad yang memerangi Islam. Penghinaan terhadap agama Islam mesti diuruskan oleh pihak berkuasa kerana ia adalah urusan kenegaraan.

KESIMPULAN

Hukuman bunuh terhadap pelaku tindakan murtad sewajarnya difahami dalam konteks kenegaraan. Kebebasan beragama adalah prinsip Islam yang asas. Maka tiada paksaan untuk menerima Islam. Justeru, hukuman sehingga tahap dihukum bunuh hanya dilaksanakan apabila wujud unsur penghinaan dan sikap ekstrem terhadap Islam. Unsur penghinaan terhadap Islam adalah seperti mencaci Islam, menghina Nabi dan mengutuk hukum Islam. Sikap ekstrem pula seperti tindakan keganasan. Selain itu, hukuman bunuh ini tidak perlu dikategorikan dalam hukum hudud sebaliknya ia perlu dikategorikan dalam hukum takzir. Manakala jenis murtad dan sifatnya perlu diperhalusi. Kefahaman bahawa Islam membenarkan hukuman bunuh semata-mata kerana murtad akan merosakkan ketenteraman awam dan keharmonian hidup masyarakat. Keadaan yang boleh merosakkan ketenteraman awam perlu dicegah (Mohamad Salleh Abas 1968). Ini selaras dengan semangat dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan bahawa Parlimen boleh mengenakan sebarang sekatan terhadap kebebasan yang diberikan dengan alasan yang termaktub dalam Perlembagaan dalam Perkara 10. Ketenteraman dan keamanan adalah selaras dengan maqasid syariah yang bertujuan untuk memelihara agama, nyawa dan harta. Justeru, hukuman bunuh terhadap murtad adalah dalam konteks kenegaraan dan kategori takzir.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Halim ‘Uways. 2005. *Mawsu’ah al-Fiqh al-Islami al-Mu’asir*. Mansurah: Dar al-Wafa.
- ‘Abd al-Rahman al-Jaziri. 2003. *al-Fiqh ‘ala al-Madhahib al-Arba’ah*. Qaherah: Maktabah al-Safa.
- ABM. Mahbulul Islam. 2002. *Freedom of Religion in Shariah: A Comparative Analysis*. Kuala Lumpur: A.S. Noorden.
- Abū Bakar ibn Muḥammad al-Ḥusaynī. 1994. *Kifāyah al-Akhyār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Abū Dāwud Sulaymān Ibn al-Asy’ath al-Sajastānī. 2007. *Sunan Abī Dāwud*. Riyāḍ: Maktabat al-Ma’arif.

- Abū al-Ḥasan ‘Alī ibn al-Qattān al-Fāsī. 2003. *al-Iqnā’ fī Masāil al-Ijmā’*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Abū Ishāq al-Syātibī. t.th. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Syarī’ah*. Beirut: Dār al-Kutub al’Ilmiyyah.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. 1978. *‘Ilm Uṣūl al-Fiqh*. Qāherah: Dār al-Qalam.
- Abū Zakaria Yahyā ibn Syaraf al-Nawawī. 2000. *Minhāj al-Ṭālibīn*. Beirut: Dār al-Basyār al-Islāmiyyah.
- Aḥmad Ibn Idrīs al-Qarāfī. 2001. *al-Furūq*. Qāherah: Dār al-Salām.
- Aḥmad Muhammad ‘Abd al-Wahhab al-Syanqiti. 1413. *Khabar al-Wahid wa Hujjiyyatuhu*. al-Madinah al-Munawwarah: Universiti Islam Madinah.
- Abdul Hadi Awang. 1995. *Sistem Pemerintahan Negara Islam*. Kepala Batas: Dewan Muslimat Sdn. Bhd.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. 1994. *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Aḥmad Rasyād Ṭāḥūn. 1998. *Ḥurriyyah al-‘Aqīdah fī al-Syarī’ah al-Islāmiyyah*. Qāherah: Itrāk li al-Nasyr wa al-Tawzī.
- ‘Alī ibn Muḥammad al-Māwardī. t.th. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Qāherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- ‘Alī Jumū’ah. 2004. *Qawl al-Ṣaḥābī ‘ind al-Uṣūliyyīn*. Qāherah: Dār al-Risālah.
- ‘Alī ibn Muḥammad al-Māwardī. t.th. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*. Qāherah: al-Maktabah al-Tawfiqiyyah.
- Deklarasi Hak Asasi Manusia. 2018. Universal Declaration. <http://www.un.org/en/universal-declaration-human-rights/> [20 Julai 2018].
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī. 1998. *Fath al-Bari*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Ibn al-Munzir. 1991. *al-Ijma’*. Qatar: Riāsah al-Muḥākamah al-Syar’iyyah.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. 1999. *I’lam al-Muwaqqi’in*. Mansurah: Maktabah al-Iman.
- Ibn Qudamah. 2004. *al-Mughni*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Maḥmūd Syaltūt. 1974. *al-Islām Syarī'ah wa 'Aqīdah*. Beirut: Dār al-Syurūq.
- Mat Saad Abd. Rahman. 1993. *Undang-undang Jenayah Islam (Jenayah Hudud)*. Shah Alam: Penerbit Hizbi.
- Mohamad Salleh Abas. 1968. *Prinsip Perlembagaan dan Pemerintahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Said Ishak. 2001. *Hudud dalam Fiqh Islam*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Ibn Isma'il al-Bukhari. 1998. Sahih al-Bukhari, dalam Ibn Hajar al-'Asqalani, *Fath al-Bari*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- Muḥammad Ibn Ismā'īl al-Ṣan'ānī. 1995. *Subul al-Salām Syarḥ Bulūgh al-Marām*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Bultājī. 2003. *al-Jināyāt wa 'Uqūbātuha fi al-Islām wa Ḥuqūq al-Insān*. Qāherah: Dār al-Salām.
- Muṣṭafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & 'Ali al-Syarbaji. 2008. *al-Fiqh al-Manhajī*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Rang Undang-undang Kanun Jenayah Syariah (II). 1993. Kerajaan Negeri Kelantan.
- Su'ūd Ibn Ghāzī Abū Tākī. 2005. *Ṣuwar al-Amr fī al-'Arabīyyah Baina al-Tanzīr wali-Isti'māl*. Qāherah: Dār Gharīb.
- Ṭaha Jābir al-'Alwānī. 2008. *Lā Ikrāha fi al-Dī*. Terj. Yodi Indrayani & al-Mustaqem M Radhi. Rawang: Institut Kajian Dasar.
- 'Uthmān Ibn 'Alī al-Zaylā'ī al-Ḥanafī. 2000. *Tabayīn al-Ḥaqāiq Syarḥ Kanz al-Daqāiq*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

